

BAB 3

Prinsip Muamalah Islam di Maybank Berhad

BAB 3

PRINSIP MUAMALAH ISLAM DI MAYBANK BERHAD

3.1 Pengenalan

Salah satu pencapaian umat Islam Malaysia yang sangat cemerlang adalah dengan mempelopori penubuhan Bank Islam di nusantara ini. Perjalannya telah mencatatkan suatu sejarah yang mengagumkan. Masyarakat Islam di Malaysia sangat menyokong kewujudan bank ini dan ia sudah menjadi suatu kebanggaan umat Islam di rantau ini.

Bank Islam banyak menawarkan produk syariah kepada masyarakat dalam rangka meningkatkan perekonomian umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia pada umumnya. Setiap produk yang ditawarkan selalunya berdasarkan kepada sistem muamalah Islam. Sebab itu, keseluruhan produk yang ditawarkannya boleh dikatakan dapat terjamin dan telah disesuaikan dengan prinsip Islam. Sungguhpun demikian, prinsip dan aspek-aspek syariah yang dilaksanakan dalam operasinya kurang difahami secara menyeluruh oleh masyarakat. Ketidakfahaman mereka mungkin disebabkan kurangnya pendedahan yang dibuat oleh bank sendiri, dan mungkin pula oleh sebab-sebab yang lain. Sebab itu kadang kala timbul juga keraguan sebahagian masyarakat terhadap sistem dan konsep yang dijalankan oleh bank.

Oleh itu pendedahan seperti ini sangat perlu diadakan bertujuan untuk perbincangan dan bertukar pandangan yang berkaitan dengan pelaksanaan prinsip

dan aspek syariah dalam perbankan Islam. Bagi tujuan penulisan disertasi ini, bab ini akan membincangkan hanya beberapa prinsip muamalah Islam yang ditawarkan oleh Maybank Berhad sahaja, tidak termasuk prinsip yang dilaksanakan oleh anak syarikat.

3.2 Prinsip-prinsip muamalah Islam yang dipakai

Sistem perbankan Islam mempunyai fungsi-fungsi perbankan yang sama dengan perbankan konvensional seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1. Sehubungan itu, prinsip-prinsip asas yang menjadi teras yang diterima pakai di dalam urus niaga Islam adalah pengharaman riba dan juga perkongsian untung dan rugi di antara pihak bank dan para pelanggan. Dalam melaksanakan operasinya, perbankan Islam menggunakan pakai prinsip muamalah Islam. Instrumen-instrumen perniagaan dan pembiayaan ini adalah mampan dan berdaya maju serta mampu bersaing dengan instrumen-instrumen pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan konvensional. Terdapat pelbagai konsep yang boleh digunakan di dalam sistem kewangan Islam. Walau bagaimanapun, empat konsep utama yang sering digunakan ialah Mudharabah, Murabahah, Musyarakah dan Wadiah Yad Dhamanah di samping konsep-konsep lain.¹¹⁹

¹¹⁹"Perbankan Islam: Konsep dan Produk", *Utusan Malaysia*, Sabtu, 15 September 2001.

3.2.1 *al-Mudārabah*

3.2.1.1 Pengertian *al-Mudārabah*

al-Mudārabah merupakan sejenis kontrak yang telah lama diamalkan di kalangan orang-orang Arab jahiliyah dan kedatangan Islam kemudianya tidak memansuhkan amalan ini.¹²⁰ Ini adalah kerana ianya nyata tidak bertentangan dengan syariat Islam. Gagasan perbankan tanpa bunga berdasarkan konsep ini telah mula berkembang 30 tahun yang lalu.¹²¹

Perkataan *al-Mudārabah* sering ditukar gantikan dengan perkataan-perkataan *al-Qirād* dan *al-Muqāradah* yang mempunyai pengertian yang sama.¹²² Istilah *al-Mudārabah* diambil dari perkataan *darb fī al-arḍ* yang bererti bermusafir di atas bumi, di mana ianya menunjukkan bahawa pedagang (usahawan) bebas menjelajah di merata dunia untuk memperdagangkan barang dagangannya untuk mendapatkan keuntungan. Manakala orang-orang Madinah pula mengistilahkan *muqāradah* yang bermakna memotong kerana dalam kontrak ini pelabur itu

¹²⁰ Ibn Rusyd (al-Hafiz), Abū al-Walīd Muhammad b. Ahmad (1981), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, J.2. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīh, h.236. ; al-San'ānī, Muhammad b. Ismā'il (t.t), *Šubul al-Salām Syarh Bulūgh al-Mārām*, J.4 Kaherah: Maktabah 'Atīf, al-Jazīrī, 'Abd. Rahmān (1990), *Kitāb al-Fiqh 'Alā al-Madhbāhīn al-Arba'ah*, Juz 3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h.46.

¹²¹ Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. Pakistan: The Islamic Foundation, h.30.

¹²² Perbezaan pemakaian istilah ini asalnya disebabkan faktor geografi di mana istilah *al-Qirād* dan *al-Muqāradah* dikatakan berasal dari semenanjung tanah Arab terutamanya al-Ḥijāz, sementara istilah *al-Mudārabah* pula untuk orang-orang Irāq. Lihat Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, J 5, h.26.

memotong jumlah wang ini daripada dirinya dan memindahkan urusannya kepada ejen tersebut.¹²³

Dari segi istilah pula, *al-Mudārabah* merujuk kepada suatu kontrak perniagaan secara perkongsian yang berdasarkan kepada prinsip kongsi untung dan rugi, di mana seseorang individu memberikan modalnya kepada individu lain untuk digunakan dalam perniagaan. Pembekal modal dikenali sebagai *Mudārib* dan usahawan dinamakan *Dārib*.¹²⁴ Berpandukan kepada takrif ini, tiga ciri asas *mudārabah* dibentuk iaitu suatu persepakatan dua pihak antara pemodal dan usahawan, suatu nisbah pembahagian untung/rugi ahli kedua-dua pihak dan pemodal menyediakan seluruh modal manakala usahawan menyediakan seluruh tenaga dan kemahirannya.¹²⁵

Model *mudārabah* yang pertama sekali telah dikemukakan pada tahun 1955 oleh Muhammad Uzair berasaskan prinsip mudharabah dua lapis. Lapis pertama melibatkan bank sebagai penerima deposit (peminjam) dari pelanggan dan selepas itu sebagai lapis kedua bank akan menggunakan wang ini untuk membayai projek usahawan juga dengan akad mudharabah.¹²⁶ Dalam situasi sistem kewangan yang ada kini lapis pertama akad mudharabah terdapat dalam produk Akaun Simpanan

¹²³ al-Zuhaily, Wahbah (1996), *op.cit.*, h.836

¹²⁴ al-Jazīrī (1990), *op.cit.*, h.34.

¹²⁵ Surtahman Kastin Hassan dan Abd. Ghafar Ismail (2000), Mudharabah: Antara Justifikasi Keadilan dan Aplikasinya dalam Sistem Kewangan Malaysia, *Jurnal IKIM*, Vol.8, No.1, Januari/Jun 2000, h.96.

¹²⁶ Uzair, Muhammad (1955), *An Outline of Interestless Banking*. Karachi: Raihan Publications, Decea.

Mudharabah, Akaun Semasa Mudharabah, Akaun Pelaburan Am Mudharabah dan Akaun Pelaburan Khas Mudharabah.¹²⁷

3.2.1.2 Hukum *Mudārabah*

Mudārabah adalah diharuskan dengan ijmak para ulamak¹²⁸ dengan berdasarkan firman Allah s.w.t. yang berbunyi :

وَآخِرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَتَعَفَّنُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Maksudnya:

"Dan yang lainnya orang-orang yang bermusafir di bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah"

Sūrah al-Muzammil (73): 20.

Berdasarkan sunnah pula, baginda Rasulullah s.a.w. pernah membuat akad mudharabah dengan Khadijah r.a. yang mana Khadijah telah menyerahkan hartanya kepada Rasulullah s.a.w. untuk diperniagakan di negara Syam (Syria , Jordan dan Palestin) sebelum baginda di angkat menjadi Rasul.¹²⁹

Berhubung dengan *mudārabah* ini berlaku satu peristiwa iaitu 'Abd Allāh dan 'Ubayd Allāh, dua orang anak Khalīfah 'Umar al-Khattāb r.a. pergi ke 'Irāq bersama tentera Islam untuk berjihad. Dalam perjalanan pulang, mereka menemui Abū Mūsā yang menjadi pentadbir Baṣrah. Beliau menyambut ketibaan mereka

¹²⁷ Analisis dan perbincangan lanjut bagi setiap produk di dalam Bab 4 nanti, insyaAllah.

¹²⁸ al-Jazīrī (1990), *op.cit.*, h 46

¹²⁹ Afzal ur-Rahman (1994), *Doktrin Ekonomi Islam I*, Mustafa Kassim (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.233.

berdua dan berkata, "Aku berharap dapat membantu kamu. Aku mempunyai sejumlah wang Baitulmal yang hendak dikirimkan kepada Khalifah 'Umar. Sekarang aku berikan wang tersebut kepada kamu sebagai pinjaman, kamu belikan beberapa barang dengannya dari negara Iraq dan jualkanlah di Madinah, kemudian bayarkan wang modal kepada 'Umar r.a. dan simpanlah keuntungannya untuk kegunaan kamu". Mereka bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengambil wang daripada Abū Mūsā yang menulis surat kepada 'Umar r.a. supaya menerima wang tersebut dariapada mereka. Setelah mereka tiba di Madinah, mereka menjualkan barang tadi dan mendapat sedikit keuntungan. Kemudian mereka menyerahkan wang modal kepada 'Umar r.a. yang bertanyakan mereka, "Adakah Abū Mūsā memberikan pinjaman kepada setiap anggota tentera?" Mereka menjawab, "Tidak". Selanjutnya 'Umar r.a. berkata, "Wang tersebut diberikan kepada kamu kerana kamu anak khalifah, berikan aku wang modal dan juga keuntungannya". 'Abd Allāh mendiamkan diri tetapi 'Ubayd Allāh bersuara, "Wahai Amirul Mukminin! Tuan tidak boleh berbuat begini kepada kami, sama ada wang tersebut habis atau kami mengalami kerugian, wang modal tetap kami bayar semula". 'Umar r.a. berkata, "Tidak! Kamu mesti menjelaskannya". 'Ubayd Allah masih menolak. Kemudian 'Abd al-Rahmān bin 'Awf mencadangkan bahawa lebih baik jika dikira sebagai *mudārabah*. Khalifah 'Umar bersetuju dan mengambil wang modal bersama separuh daripada keuntungan manakala keuntungan selebihnya diberikan kepada mereka berdua.¹³⁰

¹³⁰ Afzal ur-Rahman (1994), *ibid.*, h.233-234. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi didalam sunannya, Kitāb al-Qirād, Hadis 11605, Juz 6, h.183 dan di perelokkan (*ḥassan*) oleh al-Albānī.

3.2.1.3 Rukun *Mudarabah*

Mudarabah di dalam syariat Islam sebagaimana yang difahami di dalam pentakrifan para fuqaha mengandungi lima rukun iaitu :¹³¹

- Pertama : Dua orang yang berakad iaitu tuan harta dan pekerja
- Kedua : Modal dari pemilik harta
- Ketiga : Usaha dari pekerja
- Keempat : Keuntungan
- Kelima : Sighah

3.2.1.4 Syarat-syarat *Mudarabah*

Mudarabah mempunyai beberapa syarat seperti berikut :¹³²

- a) Pemilik harta dan pengusaha hendaklah orang yang mampu memikul tanggungjawab.
- b) Modal *mudarabah* hendaklah merupakan matawang tunai yang ditentukan semasa akad dan diserahkan kepada pihak pengusaha sebaik sahaja selesai kontrak perjanjian.
- c) Peratus pembahagian untung hendaklah ditentukan semasa kontrak perjanjian seperti 50:50, 60:40 atau seumpamanya daripada keuntungan seluruhnya.

Sila lihat al-Albānī (1979), *Irwā' al-Għalib fī Takhrīj Ahādīs Manār al-Saħħil*, Juz 5. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 291.

¹³¹al-Jazīrī (1990), op.cit., h.34-41.

¹³²*Majallat al-Ahkām al-'Adliyyah* (1968), Maṭba'ah Sya'raraku, h.272; al-Jazīrī (1990), op.cit., J.3, h.41; al-Zuhailī, Wahbah (1996), op.cit., J.4, h.843.

- d) Projek yang dijalankan oleh pengusaha hendaklah halal di sisi syarak.
- e) Kontrak *mudārabah* boleh dibubarkan pada bila-bila masa sebelum kerja-kerja dimulakan oleh pengusaha.

3.2.1.5 Jenis *Mudārabah*

Mudārabah terbahagi kepada dua jenis seperti berikut:¹³³

- i. Mutlak (*al-Mutlaqah*), iaitu pemodal tidak menetapkan apa-apa sekatan ataupun syarat.
- ii. Bersekatan atau tidak mutlak (*al-Muqayyadah*), iaitu pemodal menetapkan sekatan ataupun syarat.

Bagi *Mudārabah Muṭlaqah*, perjanjian *mudārabah* tidak menyatakan tempoh, tempat perniagaan, jenis-jenis perniagaan, industri atau perkhidmatan dan pembekal atau pelanggan yang patut dilanggani.¹³⁴ Sekiranya sekatan atau syarat dikenakan ke atas mana-mana perkara tersebut, kontrak ini menjadi kontrak Mudharabah Bersekatan. Dalam hal ini pengusaha (*Mudārib*) mesti patuh kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh tuan punya modal (*Sāhib al-Mäl*). Apa-apa

¹³³ al-Zuhayli, Wahbah (1989), op.cit., J.4, h.840.

¹³⁴ Mazhab Hanafi dan Hanbali mengharuskan penentuan sekatan tempoh dan bakal pengguna atau pembekal sedangkan kedua-dua sekatan ini tidak diharuskan oleh mazhab Maliki dan Syafi'iye. Begitu juga bagi kes perjanjian yang diaikat dengan permulaan perniagaan mudharabah pada masa hadapan diharuskan oleh kedua-dua mazhab Hanafi dan Hanbali tetapi sebaliknya oleh mazhab Maliki dan Syafi'iye. Sila lihat al-Zuhayli, Wahbah (1989), *op.cit.*, J. 4, h. 840; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 457.

kerugian yang berlaku disebabkan ketidakpatuhan akan ditanggung oleh *Muqârib* sahaja.¹³⁵

3.2.2 *al-Wadi'ah*

3.2.2.1 Pengertian *al-Wadi'ah*

al-Wadi'ah dari segi bahasa adalah bererti meninggalkan atau meletakkan sesuatu kepada orang lain untuk dijaga.¹³⁶ Manakala dari segi syarak pula *al-wadi'ah* adalah merupakan kontrak perjanjian diantara tuan punya barang dengan pihak yang menyimpan; un'uk tujuan penyimpanan sesuatu barang dan wajib dikembalikan pada bila-bila masa sekiranya diminta oleh tuannya.¹³⁷

Di dalam sistem perbankan Islam, *wadi'ah* adalah konsep di mana tuan punya akan meletakkan wang atau barang lain-lain untuk dijaga oleh bank. Bank kemudiannya akan meminta kebenaran daripada tuan punya tersebut untuk menggunakan harta itu dan segala faedah dan risiko akibat penggunaan itu akan ditanggung oleh pihak bank. Tuan punya walau bagaimanapun bebas untuk mengeluarkan atau mengambil semula wang atau hartanya itu pada bila-bila masa yang disukainya.¹³⁸

¹³⁵ al-Jazîrî (1990), *op.cit.*, J.3, h.48.

¹³⁶ Ibn Manzûr, (t.t), *op.cit.*, J.8, h.38

¹³⁷ al-Jazîrî (1990), *op.cit.*, J.3, h.219

¹³⁸ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.77.

Sekarang ini, ia dikembangkan lagi dengan nama *wadiyah yad dhamanah* iaitu pengamanahan dengan jaminan. Oleh kerana *wadi'ah* merupakan suatu amanah, maka orang yang diamanahkan untuk menjaga harta tersebut bertindak sebagai penjamin. Penjamin ini akan menjamin untuk membayar atau memulangkan semula keseluruhan atau sebahagian daripada wang yang disimpan oleh tuan punya apabila diminta. Penyimpan tidak akan mendapat sebarang bahagian keuntungan dari simpanan yang dibuatnya itu. Sungguhpun begitu, bank Islam boleh memberikan hadiah atau *hibah* kepada penyimpan sebagai tanda penghargaan di atas simpanannya itu.¹³⁹

3.2.2.2 Hukum *Wadi'ah*

Wadi'ah adalah diharuskan oleh syarak dan disunnatkan kita menerima apa-apa barang yang diamanahkan kepada kita untuk disimpan sekiranya kita mampu dan berkuasa menjaganya dan orang yang menerima simpanan hendaklah meletakkannya di tempat simpanan yang dijamin selamat, mengikut keadaan barang yang dijaga olehnya.¹⁴⁰ Barang tersebut juga wajib dikembalikan apabila diminta sepertimana firman Allah s.w.t. :

فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُمْ فَلَا يُؤْدِي إِلَيْهِ أُذْمِنَ أَمَانَتَهُ وَلَيْقَةُ اللَّهِ رَبِّهِ

Maksudnya:

"Maka hendaklah orang yang diamanahkan itu menyempurnakan apa yang diamanahkan kepadanya dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah tuhan-Nya."

Sūrah al-Baqarah (2): 283.

¹³⁹ Sudin Haron (1996), *ibid.*

¹⁴⁰ al-Jazīrā (1990), *op.cit.*, J.3, h.223.

Dan hadis Nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَدَّ الْأَمَانَةَ إِلَى مَنْ اتَّهَمْتُكَ وَلَا تَخْنُ مِنْ خَانِكَ

Maksudnya:

"Daripada Abū Hurairah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Tunaikanlah amanah kepada mereka yang mengamanahkan satu-satu barang kepada mu dan jangan kamu khianati terhadap orang yang pernah khianat kamu".¹⁴¹

3.2.2.3 Tanggungjawab *Wadī'ah*

Pada asalnya tanggungjawab bagi penyimpan adalah berbentuk amanah yang mana ianya perlu mengembalikan barang simpanan tersebut apabila dituntut.¹⁴² Justeru itu, ia tidak wajib menggantikan sekiranya barang-barang simpanan tersebut itu rosak atau binasa tanpa sebarang taksir atau jenayah dari pihaknya sebagaimana hadis riwayat 'Amr bin Syu'ayb daripada bapanya dan daripada datuknya; bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ أَوْدَعَ وَدِيعَةً فَلَا ضَمَانَ عَلَيْهِ

Maksudnya:

"Sesiapa menyimpan satu-satu barang simpanan, yang disimpan orang terhadapnya, maka ia tidak wajib ganti atasnya".¹⁴³

¹⁴¹ al-Syawkānī (t.t), op.cit., Makatibah Iman, *Bāb Wadī'ah*, Hadis No. 2389, h. 328.

¹⁴² al-Zuhayli, Wahbah (1996), op.cit., J.5, h.42

¹⁴³ Riwayat Ibn Mājah.

Hadis ini bermaksud sekiranya barang-barang itu rosak atau binasa secara tidak disengajakan oleh pihak yang diamanahkannya, maka ia tidak dikenakan membayar ganti rugi.

Satu hadis lain yang di riwayat al-Bayhaqī dan Dāruqutnī:¹⁴⁴

لَا صَمَانٌ عَلَى مُؤْتَنِ

Maksudnya:

"*Tidak ada ganti rugi keatas orang yang diamanahkan*".

Kata-kata orang yang diamanahkan satu-satu barang adalah diterima dengan sumpahnya seperti katanya: Barang yang diamanahkan kepada saya telah rosak tanpa sebarang gangguan dari perbuatan saya, maka dakwaannya diterima dengan sumpahnya.¹⁴⁵

Kata Ibn Mundhir: Apa yang saya ingat daripada kata-kata para ulama bahawa orang yang diamanahkan untuk simpan barang-barang di sisinya, kemudian ia simpan barang yang diamanahkan itu di tempat yang layak dengannya, tiba-tiba barang-barang tersebut itu hilang, maka diterima dakwaannya.

Akan tetapi, hukumnya yang asal akan bertukar bentuk kepada jaminan yang mana ia wajib mengantikannya apabila terdapat salah satu unsur berikut:¹⁴⁶

¹⁴⁴ al-Syawkānī, (1998), *op.cit.*, (ed) Khalīl Mahmūd Syīḥān, J 5. Beirut: Dār al-Ma'rīfāt, h.396.

¹⁴⁵ al-Zuhayli, Wahbah (1996), J.5., *op.cit.*, h.43

¹⁴⁶ al-Zuhayli, Wahbah (1996), J.5., *op.cit.*, h.44-50.

- i. Pemegang *wadi'ah* meninggalkan tugas penjagaan seperti memberi penjagaan *wadi'ah* kepada orang lain tanpa keuzuran sehingga menyebabkan barang itu kecurian.
- ii. Meletak *wadi'ah* pada tempat yang tidak terjaga.
- iii. Memindahkan *wadi'ah* ke tempat yang kurang baik penjagaannya.
- iv. Cuai menjaga *wadi'ah* sedangkan ia wajib beriltizam menjaganya seperti tidak memberi makan kepada kuda kemudian kuda itu mati.
- v. Leka daripada menjaga pada perkara yang disuruh dan berlaku kerosakan akibat daripada kelakuannya itu.
- vi. Percampuran *wadi'ah* dengan yang lain yang mana tidak boleh untuk membezakannya.
- vii. Mengambil faedah daripada *wadi'ah* seperti memakai baju atau menunggang kuda tanpa keizinan pemilik, dikehendaki bayar gantirugi kerana ia telah melampaui had yang dibenarkan.

3.2.2.4 Keuntungan dari *wadi'ah*

Memperniagakan *wadi'ah* dan keuntungannya adalah halal.¹⁴⁷ Manakala keuntungan ini menjadi pertikaian di kalangan ulama sebagai hak siapa di antara pemilik harta dan pemegang *wadi'ah* (pengusaha). Bagi fuqaha yang lebih mempertimbangkan segi perbuatan, mereka mengatakan keuntungan adalah milik orang yang mengusahakannya. Dan bagi fuqaha yang lebih mempertimbangkan segi pokok harta, mereka mengatakan keuntungan adalah milik pemilik barang.

3.2.3 *al-Bay' Bithaman Ajil* (BBA)

3.2.3.1 Pengertian BBA

al-Bay' Bithaman Ajil dari segi bahasa ialah jualan dengan harga tangguh atau perjanjian bayaran ansuran. Dari segi istilah pula *al-Bay' Bithaman Ajil* ialah satu kontrak perjanjian oleh pembiaya untuk membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan. Pembiaya akan menjual harta yang dibelinya itu kepada pelanggan tersebut dengan harga pokok dan keuntungan. Bagaimanapun pelanggan terbabit akan membayarnya secara bertangguh mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan dibayar dengan jumlah tertentu secara beransur-ansur.¹⁴⁸ Itulah sebabnya jualan ini dikenali juga dengan *Bay' al-Taqṣīt*. Kontrak ini juga dipanggil dengan nama *Bay' Mu'ajjal* kerana melibatkan barang yang menjadi tukaran itu diserahkan dengan segera.

Prinsip *al-Bay' Bithaman Ajil* ini adalah serupa dengan prinsip *al-murābahah*. Di dalam prinsip *murābahah* bayaran diselesaikan ketika itu juga tetapi di dalam kes ini bayaran dibuat kemudian.

Jualan harga tangguh ini adalah berlawanan dengan jualan *salam* dari segi bentuknya¹⁴⁹ kerana jualan salam itu adalah jualan dengan harga disegerakan

¹⁴⁷ al-Zuhayli, Wahbah (1996), *op.cit* , h 52

¹⁴⁸ BIMB, Paper of Seminar (*Module III: Al-Bai' Bithaman Ajil*), KL: BIMB, 1994, h.1; BNM (1998), *Guidelines On Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) for Commercial Banks*, KL: BNM, Julai, h.4.

¹⁴⁹ Mahsin Hj. Mansor (1993), *Konsep Syariah Dalam Bank Islam*. Kuala Lumpur: BIMB, h.41.

(secara tunai) dan peyerahan barang ditangguhkan kepada suatu masa hadapan yang tertentu.¹⁵⁰

3.2.3.2 Hukum BBA

Pada asasnya, pensyariatan BBA berpandukan kepada umum ayat al-Quran yang mengharuskan *jizai* beli¹⁵¹ dan ayat yang menggesa supaya menulis urusniaga hutang.¹⁵² Ayat yang kedua ini dengan jelas mengharuskan urusniaga secara berhutang.

Berdasarkan kepada hadis nabi pula sebagaimana yang diriwayatkan oleh *al-Bukhārī* daripada 'Aishah r.a. :

عن عائشة رضي الله عنها أن النبي صلى الله عليه وسلم اشتري طعاما
من يهودي إلى أجل ورهنه درعا من حديد

Maksudnya:

"Daripada 'Aishah r.a bahawa Nabi s.a.w. telah membeli makanan daripada seorang Yahūdī dengan menangguhkan bayaran kepada tempoh yang ditentukan dan mencagarkan baju besinya sebagai jaminan."¹⁵³

¹⁵⁰ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 417-418

¹⁵¹ Sila lihat ayat 275 Sūrah al-Baqarah.

¹⁵² Sila lihat ayat 282 Sūrah al-Baqarah.

¹⁵³ al-Bukhārī (1.1), *Sahīh al-Bukhārī*, J 2,(3 & 4). Beirut. Dār al-Qalam, h.122; al-'Asqalānī, al-Imām al-Hafiz Ahmad b 'Alī b Hajar (1997), *Fatḥ al-Bārī*, Hadis No 2068, Kitāb al-Buyū', Bāb Syirā' al-Nabī s.a.w. bī al-Naṣī'ah, J.4. Dimasyq: Dār al-Salam, al-Riyād & Dār al-Faihā'.

Ulama fiqh Islam sepakat mengharuskan jual beli barang dengan bayaran tangguh. Antaranya Imam Syāfi'i menjelaskan;

"Tidak mengapa dengan seorang lelaki menjual barang dengan bayaran tangguh dan membelinya semula dari pembeli itu dengan bayaran tunai yang lebih rendah".¹⁵⁴

Cumanya yang menjadi perselisihan pendapat ialah tentang penambahan harga apabila barang itu dijual secara bertangguh.¹⁵⁵ Segolongan ulama berpendapat membezakan harga itu adalah haram. Alasan golongan yang berpendapat tidak harus ini ialah:

- i. Imām Ahmad, Imām Nasā'i dan Imām al-Tirmidhī menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. menegah perbuatan "Dua jualan yang berlaku dalam satu jualan"¹⁵⁶
- ii. Ibn Hibbān dan mazhab Ḥanafī¹⁵⁷ menyatakan bahawa meletakkan dua harga dalam satu jualan adalah riba iaitu pertambahan harga

¹⁵⁴ Syāfi'i (1968M/1388H), *al-Umm*, J.2. Miṣr: Dār al-Syu'b, h.201.

¹⁵⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit*, h.419

¹⁵⁶ al-Nasā'i, Abū 'Abd al-Rahmān Ahmad b. 'Alī b. Syu'ayb (1986), *Sunan al-Nasā'i bi Syarh al-Suyū' wa Hāsiyyah al-Sindī*, Tah : 'Abd al-Fatah Abū Ghunndah, J. 7, C.2, Dār al-Basyā'r al-Islāmiyyah, h.295-296, No.3632; al-Tirmidhī (1981), Abū 'Isā Muhammad b. 'Isā b. Sawrah b. Mūsā, *Sunan al-Tirmidhī* J.3. Istanbul: Cagri Yayınlari, h.533, No.1234.

¹⁵⁷ Namun begitu Ḥanafī meletakkan 2 syarat dalam mengharuskan penambahan harga :

- i. Kabul dari pihak yang satu lagi, sekiranya salah seorang menambah harga dan tidak diterima oleh pihak yang satu lagi, maka tidak sah penambahan itu kerana penambahan itu adalah merupakan pemilikan (*Tamlik*)
- ii. Bersatu didalam majlis, kiau keduanya berpisah sebelum kabul, maka batallah penambahan itu kerana penambahan harga merupakan ijab dan semestinya kabul itu dalam satu majlis.

yang disengajakan¹⁵⁸ yang termasuk dalam pengertian umum perkataan *al-Ribā* ayat 275 Sūrah al-Baqarah.

- iii. Penambahan harga itu disebabkan faktor bertangguh dan penambahan kerana bertangguh tidak mempunyai tukarannya. Oleh itu perlakuan sedemikian termasuk dalam pengertian riba iaitu penambahan tanpa tukaran.¹⁵⁹

Walau bagaimanapun, majoriti¹⁶⁰ ulama mengharuskan penambahan harga secara bertangguh sekiranya kedua-dua pihak mengetahui terma dan syarat-syarat pembayaran dan ansurannya dan bersetuju ketika melakukan kontrak tersebut.¹⁶¹

Alasan golongan yang mengatakan urusniaga itu harus antaranya ialah:

- i. Ia termasuk di bawah pengertian umum jual beli yang diharuskan oleh Allah. Ini dikuatkan lagi dengan tiadanya nas yang mengharamkan jual beli yang mengenakan dua harga di mana harga bertangguh lebih tinggi daripada harga tunai.
- ii. Hadis mengenai *Da' wa Ta'ajjal*¹⁶² bagi kaum al-Nadir menunjukkan bahawa syarak membenarkan tempoh itu manjadi

¹⁵⁸ al-Misri, 'Abd al-Sāmi' (1986), *al-Tijārah fi al-Islām*, Maktabah Wahbah, h.85.

¹⁵⁹ al-Misri, 'Abd al-Sāmi' (1986), *ibid*.

¹⁶⁰ Golongan ini termasuklah ulama mazhab Syāfi'iyye, Hanafī, Zaid b. 'Alī dan lain-lain.

¹⁶¹ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit* , h.420

¹⁶²"*Da' wa Ta'ajjal*" ialah satu istilah yang digunakan bagi urusniaga yang melibatkan seseorang yang menanggung hutang selama tempoh tertentu, diberi pilihan oleh si pemutang supaya menyegerakan pembayaran sebelum tempoh matang hutang tersebut. Perbincangan hadis ini di dalam bab 4 yang akan datang di halaman 150-152.

tukaran kepada harta dan oleh itu penambahan harga bagi sesuatu jualan yang bertempoh adalah harus.¹⁶³

3.2.3.3 Rukun BBA

Rukun BBA ialah rukun yang yang diguna pakai dalam muamalah jual beli mengikut hukum-hukum fiqh Islam. Terdapat tiga rukun jual beli dalam Islam. Setiap rukun itu pula mengandungi dua syarat. Justeru itu, rukun BBA meliputi enam syarat. Tiga rukun tersebut ialah:¹⁶⁴

- (i) Dua pihak yang beraqad (penjual dan pembeli).
- (ii) Dua aset barang yang diakadkan (harta jualan dan harga bayaran).
- (iii) Dua lafaz *sighah* akad (*ijab* dan *qabūl*).

3.2.4 *al-Murābahah*

3.2.4.1 Pengertian *al-Murābahah*

Bay' *al-Murābahah* tergolong dalam kategori jenis kontrak *Buyū'* *al-Amānah*.¹⁶⁵ Ini kerana penjual disyaratkan menyatakan kos barang yang dibelinya sebelum menentukan harga jualan sewaktu melakukan kontrak.

¹⁶³ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*

¹⁶⁴ Osman Sabran (2000), *Urusniaga al-Bai' Bithaman Ajil Dalam Mekanisme Pembentangan Tanpa Risiko*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h.11.

¹⁶⁵ *Bay'* terbahagi kepada dua kategori sama ada :

- a. *Bay'* *al-Musāwamah* iaitu harga yang ditentukan tidak terikat dengan kos dan masing-masing pihak yang berkontrak bebas melakukan tawar-menawar terhadap harga barangan tersebut.

Perkataan *murābahah* adalah berasal dari *al-Ribh* (الربح). Dari segi bahasa mengertikan pertambahan,¹⁶⁶ keuntungan ataupun subur di dalam perniagaan.¹⁶⁷ Manakala dari segi istilah pula *al-Murābahah* adalah bermaksud jualan dengan harga pertama yang sama ataupun harga modal dengan ditambah keuntungan yang diketahui dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berakad.¹⁶⁸ Jadi menurut konsep ini kedua pihak bersetuju menjual dan membeli pada satu tingkat harga yang di dalamnya terkandung segala kos barang dan juga keuntungan. Konsep ini juga dikenali sebagai konsep *mark-up price* atau harga yang dinaikkan.¹⁶⁹

Berdasarkan konsep di atas, kedua-dua belah pihak bersetuju membuat urusniaganya pada suatu harga yang telah terkandung kos barang dan kos keuntungan sekaligus. Umumnya barang seperti mesin, rumah dan peralatan akan dibeli oleh pihak penjual dan kemudiannya dijual semula kepada pengguna

-
- b. *Bay'* *al-Amānah* iaitu penentuan harga barang itu terikat dengan harga kos di mana salah satu pihak yang berkontrak dipertanggungjawab supaya menyatakan semua maklumat yang berkaitan dengan kontrak tersebut terutamanya harga kos beliannya kepada pihak lain *Bay'* ini mengandungi tiga jenis, iaitu:
 - i. *Murābahah*
 - ii. *Tawlyah*
 - iii. *Wadi'ah*

Sila lihat al-Zarqā', Muṣṭafā Ḥaṁmad (1968), *al-Madkhāl al-Fiqhī al-'Ām (al-Fiqh al-Islāmī fi Thawbīh al-Jadīd)*, J.1, Dār al-Fikr, h.377.

¹⁶⁶ Ibn Manzūr (t.t), *op.cit.*, J.2, h.443.

¹⁶⁷ Ahmad Salam 'Abd Allāh Muḥāmmad (1989), *Bay'* *al-Murābahah wa Taṭbiqātuhā fī al-Masārif al-Islāmiyyah* Amman: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, h.27.

¹⁶⁸ Ahmad Salam 'Abd Allāh Muḥāmmad (1989), *ibid.*, h.30, Sila lihat juga BIRT (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIMB, Institute Of Research And Training Sun Bhd, h.41.

¹⁶⁹ Sudin Haron (1996) *op.cit.*, h.72.

pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian asal.¹⁷⁰ Sekiranya konsep ini digunakan, maka konsep kongsi sama untung dan rugi tidak lagi digunakan tetapi sebaliknya bertindak sebagai entiti perniagaan biasa iaitu ia terlibat di dalam urusan jual beli barang.¹⁷¹

al-Murābahah pada masa ini lebih bermaksud kepada perjanjian yang diwujudkan antara dua pihak di mana pihak pembiaya (bank) akan membeli barang yang dipesan oleh pelanggan yang memerlukan pembiayaan bagi maksud pembelian tersebut, kemudian menjualkannya pada satu tingkat harga yang telah dipersetujui dengan margin keuntungan yang dipersetujui bersama.¹⁷² Pembayaran ini boleh dijelaskan secara tunai atau bertangguh dan sama ada secara tunai dan ansuran.¹⁷³

Jualan ini dinamakan juga sebagai *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Syirāt*.¹⁷⁴ Umpamanya seorang pelanggan yang ingin mendapatkan sebuah mesin, katakan berharga RM50,000 akan meminta pihak bank membeli bagi pihaknya. Kemudian pihak bank akan membeli mesin tersebut dan menjualkannya semula kepada pelanggan tadi dengan ditambah untung, katakan RM10,000 yang dipersetujui bersama. Jadi, harga mesin tersebut yang berharga RM60,000 boleh dibayar secara tunai atau tangguh pada suatu masa yang dipersetujui. Bayaran secara

¹⁷⁰ al-Zarqā', Muṣṭafā Kamal (1948), *al-'Uqūd al-Musammāt fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dimasyq: Matba'ah al-Jamā'ah al-Sūriyyah, h.64-68.

¹⁷¹ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.72.

¹⁷² Chapra (1985), *op.cit.*, h.169-171

¹⁷³ A. Salleh, Nabil (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*, Cambridge, h.94. Lihat juga Joni Tamkin Borhan (1998), "Bar' al-Murabahah in Islamic Comercial Law", dalam *Jurnal Syariah*, J. 6, Januari 1998, h.53-58.

¹⁷⁴ Idea awal instrumen ini dikemukakan oleh Dr Sami Humud yang memetiknya daripada al-Ustaz Farj al-Sanhuri. Lihat Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 472.

tangguh boleh dibuat secara tunai atau secara ansuran bulanan atau tahunan mengikut perjanjian yang dibuat antara bank dan pelanggan.

4.2.4.2 Hukum *Murābahah*

Pensyariatan *murābahah* tidak dipersoalkan oleh mana-mazaab fiqh kerana ia termasuk di bawah pensyariatan jual beli secara umum¹⁷⁵ sebagaimana di dalam Sūrah al-Baqarah ayat 275.

Kesemua mazhab menerima prinsip ini sebagai alat yang sah dan dibenarkan di dalam urusan perniagaan. Cumanya terdapat perbezaan pendapat di dalam pelaksanaannya terutamanya dari aspek jumlah kenaikan harga dan dari aspek hak untuk membatalkan atau membubarkan kontrak tersebut apabila mendapati kenaikan harga tersebut terlalu tinggi dan tidak munasabah.¹⁷⁶

Sungguhpun begitu, pada pandangan kebanyakan ulama fiqh, jualan secara *musāwamah* (jual beli biasa) adalah lebih baik dan digalakkan daripada jualan secara *murābahah* kerana jualan ini memerlukan kejujuran dan berterus-terang dalam proses tawar-menawar.¹⁷⁷

¹⁷⁵ Ulama Mazhab Hanafi, Malik, Sya'i dan Hanbali mengharuskan kontrak ini diurusniagakan, cuma terdapat satu pendapat dalam mazhab Hanbali yang menyatakan ianya makruh. Walau bagaimanapun Ibn Hazm dari mazhab Zahiri menyatakan batal dan tidak sah. Lihat Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h.470.

¹⁷⁶ Huraian lanjut mengenai perbezaan pendapat dari segi pelaksanaannya sila rujuk Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.73.

¹⁷⁷ Ibn Qudāmah, Abū Muhammad 'Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad (1981), *al-Muğhnī*, J.4. Riyad: Maktabah al-Riyāḍ al-Hadithah, h. 207; Ahmad Salam 'Abd Allāh Muḥamad (1989), *op.cit.*, h.31.

3.2.4.2 Syarat-syarat *Murābahah*

Memandangkan *murābahah* merupakan salah satu daripada jenis jual beli yang dihalalkan, maka secara umumnya ia tertakluk kepada rukun-rukun dan syarat-syarat sah jual beli. Di samping itu terdapat beberapa syarat khusus baginya iaitu:¹⁷⁸

- i. Penjual handaklah menyatakan kos atau modal sebenar barangai yang hendak dijual itu kepada pembeli.
- ii. Penjual dan pembeli bersetuju mengenai kadar keuntungan yang ditetapkan sebagai tambahan kepada kos atau modal yang mana jumlah kedua-duanya merupakan harga jualan bagi jualan *murābahah* tersebut.
- iii. Sekiranya berlaku kekecohan dalam menentukan kadar sebenar kos atau modal barangai itu, pihak pembeli boleh membatalkan kontrak tersebut dan dengan demikian terbubarlah jual beli *murābahah* itu.
- iv. Barangai dan harga bagi jualan itu bukanlah daripada barangai *ribawi* yang ditegah pertukaran jual belinya kecuali mematuhi syarat-syarat pertukaran barangai *ribawi*.
- v. Sekiranya barangai yang hendak dijual secara *murābahah* itu telah dibeli daripada pihak lain, jual beli pertama ini mestilah sah dari segi syarak.

¹⁷⁸ Ahmad Salam 'Abd Allāh Mulham (1989), *op.cit.*, h.36-38

3.2.5 *Bay' al-Dayn*

3.2.5.1 Pengertian *Bay' al-Dayn*

Bay' al-Dayn ialah satu bentuk perniagaan di mana seseorang yang mempunyai hak mengutip hutang yang akan matang pada masa hadapan boleh menjual haknya kepada orang lain dengan harga yang dipersetujui bersama.¹⁷⁹ Konsep *Bay' al-Dayn* sebenarnya merujuk kepada pembiayaan hutang iaitu peruntukan sumber kewangan yang diperlukan oleh unit-unit pengeluaran, perdagangan dan perkhidmatan dengan cara menjual atau membeli kertas-kertas dan dokumen-dokumen perdagangan.¹⁸⁰ *Bay' al-Dayn* merupakan satu daripada cara-cara yang digunakan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia bagi mewujudkan sumber-sumber kewangan yang diperlukan oleh unit-unit di atas melalui diskau dokumen-dokumen dan surat-surat perdagangan unit-unit tersebut mengikut peraturan-peraturan tertentu. Dokumen-dokumen dan surat-surat sekuriti yang membuktikan sabit hutang yang timbul dari urusan perniagaan sahaja boleh diterima untuk transaksi pembelian hutang.¹⁸¹

Satu contoh berhubung dengan konsep pembelian hutang ialah seorang pengekspor (katakan A) mengekspor minyak kelapa sawit kepada Pembeli B dengan harga tertangguh RM10 juta dengan bayaran dalam masa tiga bulan. A menyediakan dokumen-dokumen eksport termasuk bil pertukaran (*Bill of*

¹⁷⁹Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.* h 92

¹⁸⁰BNM (10/4), *op.cit.*, h 331

¹⁸¹Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*

Exchange) atau "Hak Mengutip Hutang" yang membuktikan adanya hutang B kepada A sebanyak RM10 juta dengan tarikh matang tiga bulan kemudian, yang diikrarkan oleh B. A menjual bil pertukaran itu kepada BIMB pada harga katakan RM9.6 juta sehingga tarikh matangnya. Ini bererti BIMB akan menerima bayaran daripada A sebanyak RM10 juta pada tarikh matangnya. BIMB boleh juga menjual semula bil pertukaran tersebut kepada pembeli C (katakan sebuah bank lain) dengan harga katakan RM9.8 juta sebelum tarikh matang. Jika ini berlaku, pembeli akan mendapat RM10 juta pada tarikh matang daripada A.

Manfaat daripada mekanisme ini adalah seperti berikut:¹⁸²

- i. Mewujudkan sumber kewangan yang diperlukan oleh unit-unit pengeluaran pengeluaran, perniagaan dan perkhidmatan melalui penjualan dokumen-dokumen dan surat-surat sekuriti mengikut peraturan-peraturan tertentu.
- ii. Membantu penjual dan pengeksport mendapatkan wang tunai untuk dijadikan modal pusingan perniagaan, memandangkan jualannya adalah dengan harga tertangguh.
- iii. Membolehkan bank mengumpul wang tunai dengan cepat untuk memenuhi kehendak pelanggan yang mungkin mengeluarkan wang dalam akaun mereka secara mendadak melalui penjualan dokumen-dokumen dan surat-surat sekuriti yang ada dalam simpanannya.

¹⁸²Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.93.

3.2.5.2 Rukun Bay' al-Dayn

Rukun Bay' al-Dayn adalah seperti berikut :

- i. Penghutang
- ii. Pemutang
- iii. Pembeli hutang (pihak ketiga)
- iv. Hutang / Syarat hutang
- v. Kontrak perjanjian

3.2.5.3 Hukum Bay' al-Dayn

Mazhab Hanafi dan Hanbali tidak mengharuskan jual beli ini dengan pihak ketiga. Mereka berpendapat bahawa hutang itu merupakan suatu bentuk tanggungjawab yang tidak dapat diserahkan kepada pembeli hutang berkenaan sedangkan keupayaan menyerahkan barang adalah antara syarat sah jual beli. Manakala mazhab Syafi'e dan Maliki pula mengharuskannya selagi mana hutang itu bersifat pasti (مسْتَقِيقٌ) di mana pemutang benar-benar pasti bahawa penghutang akan menjelaskan bayarannya. Sebaliknya sekiranya hutang itu bersifat tidak pasti (مُغْرِبٌ), maka tidak harus. Contoh yang sering dinyatakan oleh ulama di dalam kes ini ialah jual beli hutang di dalam pembelian secara pesanan. Rasionalnya kerana barang yang di pesan itu belum tentu akan sampai kepada pihak yang membeli hutang berkenaan serta bertepatan dengan spesifikasi yang telah ditentukan di dalam kontrak. Ini adalah unsur-unsur yang bersifat tidak pasti.

Sekalipun terdapat sesetengah ulamak fiqh semasa menentang penggunaan instrumen ini dalam kewangan Islam, namun hasil kajian kumpulan pengkaji instrumen Islam yang ditubuhkan oleh suruhanjaya sekuriti di Malaysia mendapati bahawa tiada bukti ijmak ulamak tentang pengharaman *Bay' al-Dayn* sebagaimana dakwaan golongan tersebut, bahkan amalan ini diharuskan oleh mazhab Maliki.¹⁸³

Amalan pembelian dan perniagaan hutang banyak diamalkan dalam perniagaan antara si pemutang dengan bukan si penghutang dan antara mereka yang bukan si pemutang dalam hutang-hutang berkenaan.

3.2.6 *al-Wakālah*

3.2.6.1 Pengertian *al-Wakālah*

al-Wakālah dari segi bahasa mengertikan penjagaan atau penyerahan.¹⁸⁴ al-Fayūmī pula mentakrifkan sebagai mewakilkan kepada orang lain urusan kerjanya.¹⁸⁵ Manakala dari segi istilahnya pula Hanafi mentakrifkan sebagai penyerahan dan penjagaan kepada wakil.¹⁸⁶ Imam Malik, Syafī'i dan Hanbali

¹⁸³ Walaupun demikian, mazhab Maliki tidaklah mengharuskan *Bay' al-Dayn* secara mutlak kerana ianya tertakluk kepada beberapa syarat sebagaimana akan diuraikan di dalam analisis produk nanti. Sila lihat Dato' Sheikh Azmi, "Islamic Instrument Study Group : A Report" dalam *International Islamic Capital Market Conference*, anjuran Suruhanjaya Sekuriti di Grown Princess Hotel, Kuala Lumpur pada 21-22 Mac 1996, h.12.

¹⁸⁴ al-Zuhaily, Wahbah (1996), *op.cit.*, 150.

¹⁸⁵ al-Fayūmī, Ahmad b. Muhamad b. 'Alī al-Muqrī (1987), *al-Miṣbāh al-Munīr Fī Ghārīb al-Syarḥ al-Kabīr* Beirut: Maktabah Lubnān, h. 257; Ibn Manzūr (1995), *op.cit.*, J.15, h.388.

¹⁸⁶ al-Zuhaily, Wahbah (1996), *op.cit.*

mentakrifkan sebagai menyerahkan kerjanya kepada orang lain yang boleh menerima gantian untuk melakukannya semasa hidupnya.¹⁸⁷

Di dalam amalan perbankan, prinsip *al-wakālah* atau wakil merujuk kepada keadaan di mana seseorang melantik orang lain untuk mewakilinya di dalam sesuatu urusan.¹⁸⁸ Melalui perjanjian ini, bank akan dilantik oleh pelanggan sebagai ejennya dalam urusan perniagaan. Perkhidmatan bank sebagai ejen urus niaga akan dibayar oleh pelanggan.

3.2.6.2 Rukun *al-Wakālah*

Rukun-rukun *al-wakālah* adalah seperti berikut :¹⁸⁹

- | | |
|---------|---------------------------|
| Pertama | : Orang yang mewakilkan |
| Kedua | : Orang menerima wakil |
| Ketiga | : Perkara yang diwakilkan |
| Keempat | : Sighah |

3.2.6.3 Hukum *al-Wakālah*

Hukum pensyariatan *al-wakālah* sabit dengan al-Kitab, al-Sunnah dan juga al-Ijmak. Di dalam al-Quran, Allah s.w.t. berfirman:

¹⁸⁷ al-Zuhaily, Wahbah (1996), *ibid.*; Lihat juga al-Syarbini, Syams al-Dīn Muhammad b Muhammad al-Khaṭīb (1994), *Mughnī al-Muḥīṭa Ilā Ma'rīfat Ma'āni al-Alfāz al-Minhāj*, (ed.) Muhammad Ma'ud dan 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, J.3 Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.231.

¹⁸⁸ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.78

¹⁸⁹ al-Syarbini, Syams al-Dīn Muhammad b Muhammad al-Khaṭīb (1994), *op.cit.*, h.232.

فَابْعُوا أَحَدَكُم بِوَرْقَمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَنِيظِرْ أَيْهَا أَزْكَى طَعَامَ فَلِيأْتِكُمْ بِرْزَقٍ مِنْهُ

Maksudnya:

"Maka suruhlah salah seorang di antara kamu pergi ke kota dengan membawa wang perakmu ini, dan hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih baik, maka hendaklah dia membawa makanan itu untukmu".

Sūrah al-Kahfī (18): 19.

Di dalam ayat ini dengan jelas menerangkan bahawa *ashāb al-kahfī* mewakilkan salah seorang dari mereka supaya membeli makanan.¹⁹⁰

Berdasarkan hadis pula, terdapat banyak tentangnya dan antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh 'Urwah bin Abū Ja'd al-Bariqī¹⁹¹:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ دِينَارًا لِيُشْتَرِي بِهِ شَاةً فَاشْتَرَى لَهُ شَاتَيْنَ : فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ وَجَاءَهُ بِدِينَارٍ وَشَاةً ، فَدَعَا بِالرِّكَّةِ بِيَهُ ، وَكَانَ لَوْ اشْتَرَى التَّرَابَ لَرَبِيعٍ فِيهِ

Maksudnya:

'Urwah meriwayatkan bahawa Nabi saw memberikan wang dinar kepadanya supaya membeli biri-biri, lalu dia memberi dua ekor biri-biri: Maka di jualkannya salah seekor dengan beberapa dinar dan dia datang dengan beberapa dinar tadi dan biri-biri, lalu nabi herdoa keberkatan di dalam jual belinya, dan kalaupun dia membeli tanah sekalipun dia akan mendapat keuntungan padanya"

¹⁹⁰ al-Syanqītī, Muḥammad al-Amin b Muḥammad al-Mukhtār (1997), *Adhwā' al-Bayān fī Idāh al-Qurān bi al-Qurān*, J.4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.36.

¹⁹¹ *Sahīh Bukhārī*, Kitāb al-Manāqib, J.4, h.187.

Manakala ijmak pula, Ibn Qudāmah di dalam kitabnya *al-Mughnī* menyatakan bahawa umat telah bersepakat tentang harusnya *wakālah* ini kerana berhajat kepadanya.¹⁹²

3.2.7 *al-Kafālah*

3.2.7.1 Pengertian *al-Kafālah*

al-Kafālah dari segi bahasa bererti jaminan.¹⁹³ Manakala dari segi istilah syara' pula, *al-Kafālah* mengertikan mencampuri tanggungan jaminan ke tanggungan yang asal (*asīl*) sama ada dengan dirinya atau hutang ataupun barang.¹⁹⁴

Di dalam amalan perbankan, mengikut prinsip ini jaminan diberikan oleh satu pihak kepada pemilik sesuatu barang yang telah meletakkan atau mendepositkan barangannya dengan pihak ketiga. Kemudiannya, jika ada tuntutan oleh pemilik yang berhubung kait dengan barang tersebut, penjamin hendaklah menyelesaikannya jika tuntutan itu tidak ditunaikan oleh pihak ketiga.¹⁹⁵

¹⁹² Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh b Aḥmad (1985), *al-Mughnī*, J.5. Beirut: Dār al-Fikr, h.87.

¹⁹³ Ibn Manzūr (t.t), *op.cit*, J.12, h.129.

¹⁹⁴ Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amin (1966), *Hāsyiyah Radd al-Muhtār 'Alā al-Dar al-Mukhtār: Syarh Tawīl al-Abṣār fī Fiqh Maḍhāhib al-Imām Abī Hanīfah al-Nu'mān*, J.7. Beirut: Dār al-Fikr, h.129.

¹⁹⁵ BNM (1994), *op.cit.*, h.332.

3.2.7.2 Hukum al-Kafalah

Pensyariatan *al-kafalah* adalah berdasarkan al-Quran, al-Hadis dan al-Ijmak. Di dalam al-Quran, Allah swt berfirman:

وَلَمَنْ جَاءَ بِهِ حَمْلٌ بَعْثَرٌ وَّاَنَا بِهِ زَعِيمٌ

Maksudnya:

"Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (makanan) sebanyak muatan seekor unta dan akulah yang menjaminnya".

Sūrah Yusof (12): 72.

Berdasarkan hadis pula, Abū 'Umāmah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

العارية مُؤَدَّةٌ ، والكفيل غارمٌ ، والدين مقتضي

Maksudnya:

"Orang yang meminjam memulangkan pinjaman, orang yang menjamin adalah yang mengganti dan hutang meski dilangsaikan".¹⁹⁶

Para ulamak ijmak tentang harusnya kafalah atau jaminan. Jaminan seperti ini berlaku dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga sampai ke zaman kita sekarang, tanpa ada ulamak yang mengingkarinya.¹⁹⁷

¹⁹⁶Lihat *Sunan Abī Daud*, Kitāb al-Ijārah, Bāb fī Taqdmīn al-'Āriyah, J.2, h.503; *Jamī' Tirmidhī*, Kitāb al-Waṣayā, Bāb Mā Lā Waṣiyata Li Wārithīn, J.5, h.29 dan Kitāb al-Buyū', Bāb Mā Jā'a Fī Anna al-'Āriyah Mu'aḍah, J.4, h.264

¹⁹⁷Ibn Qudāmah (1985), *op.cit.*, J.4, h.344.

3.2.7.3 Rukun *al-Kafālah*

al-Kafālah mempunyai beberapa rukun seperti berikut:

- i. Orang yang menjamin (الكفيل)
- ii. Orang yang dijamin bagi pihaknya (مكفول عنه)
- iii. Orang yang dijamin baginya (مكفول عليه) seperti orang yang memberi hutang dijamin oleh penjamin untuk membayar hutangnya sekiranya orang yang berhutang lemah dari membayar hutang.
- iv. Yang dijamin dengannya (مكفول به) seperti tubuh badan, hutang sesuatu benda atau kerja yang wajib ditunaikan ke atas مكفول عنه .

3.3 Kesimpulan

Prinsip-prinsip muamalah Islam ini adalah prinsip asas yang telah ditetapkan oleh para ulamak muktabar berdasarkan apa yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w dan juga para sahabat. Dengan berdasarkan keperluan dan keadaan semasa terdapat beberapa konsep dinilai dan dikaji untuk menjadikannya sebagai satu instrumen yang betul-betul mempunyai daya kekuatannya yang dapat menyaingi konsep konvensional. Seperti contohnya ialah BBA yang mana ianya

bukanlah langsung tercipta dari zaman Rasulullah s.a.w. tetapi ianya datang kemudian.¹⁹⁸

Panduan penggunaan prinsip-prinsip perbankan yang diguna oleh Maybank adalah apa yang telah ditetapkan oleh BNM. Berdasarkan produk-produk yang keluarkan oleh Maybank hampir mencakupi kesemua produk-produk perbankan Islam yang dibenarkan oleh BNM. Ini tidak hairanlah kerana Maybank mempunyai banyak syarikat subsiadiari.

¹⁹⁸ Mohd Ridzuan Awang dan Jafril Khalil (1998), "Prinsip dan Aspek Syariah Dalam Perbankan Islam", *Isu Syariah dan Undang-undang*, Siri 5, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h.45.